


Oleh: NOOR HAZANI MUSA  
Foto: AZMAN GHANI



● Halimah Kawaludin



*Abuse - Wife Abuse  
p: 148-149*

**Pindaan** kepada Akta Keterangan 1950 itu adalah **untuk** memastikan **kesahihan** keterangan kanak-kanak yang menjadi mangsa **penderaan** fizikal atau **seks** menerusi rakaman video tidak boleh **dicabar** di **mahkamah**

# CPU sedia persekitaran mesra kepada mangsa


**B**ERADA dalam persekitaran yang asing, dikelilingi oleh wajah-wajah yang tidak dikenali untuk menceritakan sesuatu yang amat sulit dan peribadi bukan suatu perkara yang mudah. Kalau kita sebagai orang dewasa berasakan begitu, bayangkan apa pula perasaan kanak-kanak.

Akan tetapi, itulah suasana dan orang yang perlu dihadapi oleh kanak-kanak dan mana-mana individu yang pernah menjadi mangsa keganasan seksual sewaktu berada di mahkamah. Walaupun takut atau malu untuk berbuat demikian, ia terpaksa dilakukan. Bagi orang dewasa, kita barangkali boleh menjustifikasikannya kerana kita faham kenapa proses itu perlu dilakukan, tetapi tidak kanak-kanak.

Pernah seorang mangsa rogol mengatakan pengalaman dalam proses perundangan itu lebih teruk daripada kejadian itu sendiri. Dia dirogol sekali tetapi dicabuli berkali-kali lantaran terpaksa menceritakan kisah pahit itu berulang kali - kepada membuat laporan pihak polis, memberi keterangan di mahkamah bagi pihak dirinya dan disoal balas pula oleh peguam bela.

Jadi dalam usaha 'memudahkan' kanak-kanak yang menjadi mangsa jenayah dan serangan seksual memberi keterangan, sebuah Pusat Perlindungan Kanak-kanak (CPU) telah diwujudkan oleh Polis Diraja Malaysia. Di pusat itulah segala keterangan kanak-kanak tersebut akan dirakamkan menerusi video oleh para pegawai polis yang berpengalaman mengendalikan kes sedemikian.

Untuk itu, 10 orang pegawai telah dipilih untuk diberikan latihan mengenai cara-cara mengendalikan unit tersebut. Tiga yang terbaik daripada mereka telah dipilih untuk menjalani latihan lanjut di United Kingdom atas biaya kerajaan negara itu. Selain menaja latihan, kerajaan British juga menyumbangkan segala kelengkapan di bilik rakaman video pusat itu.



● Bilik mangsa diwawancara.


Menurut Ketua Unit Serangan Seksual D9B Bukit Aman, Asisten Supritenden Polis, Halimah Kawaludin, CPU dikendalikan oleh lapan pegawai termasuk pakar seperti kaunselor untuk mengendalikan saksi atau mangsa yang mengalami trauma bagi membantu proses pengumpulan maklumat.

"Kami akan mengenal pasti saksi atau mangsa yang mengalami trauma sehingga dia perlu memberi keterangan menerusi video. Kewujudan pusat ini juga adalah sebagai pendedahan apabila pindaan terhadap Akta Keterangan 1950 diluluskan oleh kerajaan. Jadi bila (akta itu) diluluskan, kami boleh terus melaksanakan proses mengumpul keterangan dengan video," jelasnya.

Pindaan kepada Akta Keterangan 1950 itu adalah untuk memastikan kesahihan keterangan kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan fizikal atau seks menerusi rakaman video tidak boleh dicabar di mahkamah.

CPU terletak di sebuah banglo lama kerajaan di Kuala Lumpur. Rumah tersebut telah diserahkan kepada Polis Diraja Malaysia pada 12 Disember 2002 tetapi serba sedikit kelengkapan telah mula dimasukkan pada Oktober sebelumnya. Mulai April 2003, pusat itu telah merakamkan keterangan pertamanya dan sehingga Oktober lalu, keterangan daripada 124 orang mangsa yang berumur 18 tahun ke bawah telah dirakamkan.

"Pusat ini menumpukan kepada saksi dan mangsa bawah 18 tahun. Pusat Penjagaan Saksi di Bukit Aman misalnya, mengendalikan kedua-dua orang dewasa dan kanak-kanak," tambah



Halimah.


Selain bilik rakaman video, pusat itu juga mempunyai sebuah bilik wawancara, bilik bermain, bilik tidur, bilik persidangan, bilik makan dan ruang tamu agar ia dapat mewujudkan suasana yang selesa dan tenang untuk kanak-kanak itu memberi keterangan.

Halimah memberitahu, pihaknya juga berharap untuk menubuhkan sebuah kemudahan perubatan di CPU supaya mangsa tidak perlu berkejar-kejar ke banyak tempat, tidak perlu lagi mengulangi cerita yang sama selepas ditanya oleh orang yang berlainan daripada pihak polis, hospital dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

"Ini merupakan projek perintis. Matlamat kami ialah untuk menubuhkan pusat sebegini di setiap negeri, jadi kami memerlukan para pegawai yang terlatih untuk mengendalikannya.

"Pada masa ini, kaedah mengendalikan temu ramah ini telah dimasukkan dalam kursus penyiasatan supaya setiap pegawai di setiap kontinjen memiliki pegawai yang terlatih," ujarnya.

Memandangkan masih banyak keperluan dan kelengkapan perlu diadakan di pusat itu, Pergerakan Puteri UMNO Bahagian Titiwangsa telah menganjurkan program Fiesta Ada Gaya selama tiga bulan dari Oktober hingga Disember untuk mendapatkan sumbangan. W



● Pelbagai permainan untuk memudahkan kanak-kanak menyesuaikan diri.